

# Penduduk gotong-royong baiki jambatan <sup>UM 24/10/06</sup>

ALOR STAR 23 Okt. - Semangat bergotong-royong yang tinggi penduduk Kampung Kedundong, Mukim Derang dekat sini membolehkan jambatan konkrit yang rosak teruk akibat banjir semalam, dapat dibaiki sepenuhnya dalam tempoh hanya tiga jam awal pagi ini.

Kerja membaiki bermula pukul 11 malam tadi apabila seramai 70 penduduk kampung itu bergotong-royong dan berjaya menyiapkan jambatan itu pukul 2 pagi ini.

Jambatan yang merupakan laluan utama penduduk kampung itu kini sudah selamat untuk digunakan hasil usaha sepakat penduduk kampung dengan dibantu oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Lada, Ariffin Man.

Ariffin berkata, kerja membaiki jambatan itu perlu dilakukan segera setelah ia rosak teruk berpunca daripada hakisan air yang kuat ekoran banjir yang melanda kampung tersebut.

"Kita bimbang jika masalah tersebut

tidak diatasi segera, ia akan mendatangkan masalah kepada penduduk kampung kerana ia merupakan laluan utama.

"Jadi, kami sepakat membaikinya sendiri dan kebetulan beberapa penduduk kampung di sini mempunyai bahan-bahan yang diperlukan seperti simen dan besi," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Ariffin memberitahu, jambatan konkrit itu kini sudah boleh digunakan dan orang ramai tidak perlu kluatir keselamatan diri kerana ia sememangnya kukuh.

"Saya berbangga dengan kesepakatan yang ditonjolkan penduduk kawasan itu kerana mereka tidak mengharapkan bantuan kerajaan sebaliknya berusaha sendiri untuk kepentingan bersama," ujarnya.

Semalam, Utusan Malaysia menyiarkan laporan mengenai kira-kira 500 penduduk di kampung itu terputus hubungan apabila jambatan konkrit tersebut roboh dibawa arus deras akibat hujan lebat dan banjir kelmarin.



**PENDUDUK** bergotong-royong membaiki jambatan yang rosak akibat banjir bagi menyambut Aidilfitri di Kampung Kedundong, Alor Star, semalam.